

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

KAWASAN : HULU LANGAT

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

NO. SOALAN : 68

YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI pencapaian dalam industri automotif negara termasuk pengeluaran dan pengedaran perusahaan automotif tempatan setelah Dasar Automotif Negara yang disemak semula pada 2014 dilancarkan pada Januari 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 diumumkan, pihak Kementerian sentiasa memantau pencapaian pelaksanaan langkah-langkah yang telah digariskan.

Pada tahun 2014, NAP telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM1.9 bilion ke dalam industri automotif tempatan yang melibatkan industri pembuatan kenderaan dan komponen. Daripada jumlah tersebut, RM1.1 bilion atau 58 peratus adalah pelaburan domestik, manakala baki sebanyak RM800 juta adalah pelaburan asing. Antara pelaburan yang telah diluluskan adalah daripada syarikat Perodua, Honda, Go Automobil dan Mazda.

Dari segi jumlah jualan industri Malaysia (TIV) pula, pada tahun 2014, TIV telah meningkat sebanyak 1.5 peratus kepada 666,465 unit, berbanding 655,793 unit pada tahun 2013. Peningkatan pelaburan tambahan dan jualan kenderaan ini turut membantu pembangunan sektor pembuatan komponen serta sektor lepas jualan dan perkhidmatan.

Pelaburan baharu ini turut meningkatkan kemasukan teknologi baharu, khususnya berkaitan dengan teknologi kenderaan bertenaga efisien (EEV) yang digalakkan di bawah NAP 2014. Ini membantu meningkatkan keupayaan teknologi dan tahap produktiviti syarikat-syarikat automotif tempatan yang dapat menambah baik kecekapan pengeluaran mereka.

Hasil daripada perkembangan positif industri automotif tempatan ini juga, sebanyak 4,039 peluang pekerjaan baharu juga dapat diwujudkan pada tahun 2014, yang mana kebanyakannya adalah bagi juruteknik, pekerja mahir dan separuh mahir serta jurutera.

Di samping itu, NAP 2014 telah berjaya membantu hampir 250 syarikat Bumiputera dalam sektor automotif melalui beberapa inisiatif yang melibatkan transformasi bengkel, pewujudan wakil jualan motosikal baharu, pembuatan automotif dan lain-lain lagi.

NAP 2014 juga menyumbang kepada usaha-usaha menurunkan harga kenderaan secara berperingkat, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjaga kepentingan pengguna dengan menawarkan kenderaan yang selamat dan berkualiti pada harga yang berpatutan.